



TEKS PERASMIAN

DATO' DR. ABDUL FATTAH ABDULLAH

PRESIDEN ANGKASA

MERANGKAP PRESIDEN ASEAN CO- OPERATIVES ORGANIZATION (ACO)

**MAJLIS PERASMIAN
PROGRAM MEMPERKASA
PERNIAGAAN DAN MENJANA
EKONOMI KOPERASI SEKOLAH
NEGERI SELANGOR 2022**

24 JANUARI 2022 (ISNIN)
3.45 PETANG
HOTEL MARDHIYYAH, SHAH ALAM,
SELANGOR

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum warahmatullahi
ta'ala wabarakatuh, Salam
Sejahtera dan Salam Keluarga
Koperasi

Terima Kasih Pengacara Majlis

[SALUTASI DISEDIAKAN URUSETIA

PROGRAM]

Dato'-Dato'/Datin-Datin/tuan-tuan/puan-puan dan hadirin yang dihormati sekalian.

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah

kurnia dan izin-Nya dapat kita bersama-sama bagi menyempurnakan majlis **PROGRAM MEMPERKASA PERNIAGAAN DAN MENJANA EKONOMI KOPERASI SEKOLAH NEGERI SELANGOR 2022**

2. Saya merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada semua pentadbir dan guru-guru koperasi yang dapat hadir ke program ini.
3. Saya juga mengucapkan syabas dan tahniah kepada

ANGKASA negeri Selangor yang berjaya menganjurkan program perniagaan ini. Program ini selaras dengan hasrat kerajaan untuk membentuk pemikiran dan membudayakan keusahawanan dalam kalangan masyarakat Malaysia dalam apa jua sektor

mereka ceburi seperti digariskan dalam Dasar Keusahawanan Nasional 2030.

4. Dalam menyediakan kerangka ekosistem keusahawanan di Malaysia, sektor koperasi harus menyumbang dalam:

- a) Pembinaan dan pembangunan koperasi.
- b) Keusahawanan golongan muda melalui koperasi siswa.
- c) Pembangunan keusahawanan di peringkat asas.
- d) Membudayakan keusahawanan dalam segenap lapisan masyarakat

selaras dengan teras Strategik 1 Dasar Keusahawanan Nasional (DKN 2030).

5. Dalam hal ini, gerakan koperasi sekolah juga memainkan peranan besar ke arah pencapaian itu. Sejajar dengan itu, ANGKASA

mengambil inisiatif memperkenalkan Program BA100 bagi memperkasa perniagaan dan menjana ekonomi koperasi sekolah.

6. Program ini merupakan satu program bersepadu yang diperkenalkan oleh ANGKASA

sebagai usaha berterusan untuk menggerakkan perniagaan koperasi terutama menawarkan penjualan barang asas dengan harga berpatutan.

7. Projek BA100 dapat memberikan manfaat sosioekonomi

kepada gerakan koperasi dan masyarakat khususnya anggota koperasi selain menjadi sebahagian daripada usaha kerajaan dalam mengurangkan kos sara hidup rakyat.

Dato'-Dato'/Datin-Datin/tuan-tuan/puan-puan dan hadirin yang dihormati sekalian

8. Di peringkat murid, sekolah perlu menerapkan pemikiran keusahawanan melalui koperasi sekolah. Proses ini sangat penting

dalam transformasi ekonomi dan komuniti keusahawanan negara serta membentuk semangat keusahawanan dalam masyarakat Malaysia pada masa hadapan.

9. Sejajar dengan kejayaan koperasi sekolah yang telah menunjukkan pencapaian dalam sumbangan perolehan yang setanding dengan koperasi dewasa, murid harus diberikan tanggungjawab, kepercayaan dan sokongan oleh guru. Hendaklah

lebih banyak peluang dan latihan langsung dalam keusahawanan diberikan melalui bimbingan guru. Pihak pentadbir dan koperasi sekolah perlu memahami peranan mereka sebagai ejen dalam membudayakan pemikiran

keusahawanan dalam kalangan murid.

10. Statistik pertumbuhan koperasi sekolah meningkat dengan ketara sejak diasaskan pada tahun 1969, selaras dengan usaha-usaha yang dilaksanakan ANGKASA yang

mendapat sokongan padu daripada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), SKM dan Jabatan Pendidikan Negeri.

11. Sehingga **31 Disember 2020**, koperasi sekolah berjumlah **2,457 buah** dengan keanggotaan **1.724**

juta orang, syer/yuran berjumlah **RM 28.934 juta**, aset berjumlah **RM403.706 juta** dan menyumbang perolehan sebanyak **RM336.036 juta**.

12. **Sebanyak 13 buah** koperasi sekolah yang telah mencapai perolehan RM 1 juta sehingga tahun

Kewangan 2020. **Enam buah** koperasi sekolah lagi perolehannya mencecah hampir RM 1 juta (**dalam lingkungan RM700,000 – 999,000**). Bagi tahun kewangan 2021, kita mengharapkan enam buah sekolah ini atau lebih akan meningkatkan perolehan mereka. **35 buah** koperasi

sekolah mendapat perolehan dalam lingkungan **RM500,000 – RM700,000.**

13. ANGKASA mensasarkan pada tahun **2025** sekurang-kurangnya **50 koperasi** sekolah boleh menjana pendapatan melebihi RM1 juta. Kita

percaya sasaran ini dapat dicapai dengan penglibatan dan sokongan semua pihak.

14. Pihak KPM, MARA dan SKM dengan sokongan ANGKASA telah membuat pindaan kepada Undang-Undang Kecil (UUK)

Koperasi Sekolah untuk meluaskan perniagaan koperasi. Ini dapat membantu koperasi sekolah menambahkan fungsi aktiviti perniagaan, secara tidak langsung meningkatkan lagi perolehan koperasi sekolah itu sendiri. Pindaan ini juga akan meningkatkan tadbir

urus koperasi yang mana UUK kini diperkemaskan.

15. Antara aktiviti perniagaan utama yang menyumbang kepada perolehan ialah:

- a) Jualan runcit kedai koperasi.
- b) Kafeteria bagi koperasi MRSM.
- c) Pendapatan daripada jualan di kios/sewaan kios.
- d) Perolehan daripada pembekalan kepada sekolah.
- e) Program PKS dan lawatan yang dilaksanakan koperasi.

Dato'-Dato'/Datin-Datin/tuan-tuan/puan-puan dan hadirin yang dihormati sekalian

16. ANGKASA amat menekankan perolehan kerana kita berpandangan koperasi sekolah berpotensi menjana pendapatan

tanpa mengganggu pembelajaran dalam kelas, malah terbukti mampu memberi latihan pembelajaran yang berkesan di luar kelas.

17. Keuntungan yang diperoleh daripada aktiviti perniagaan koperasi akan dipulangkan kepada

murid-murid dalam bentuk dividen dan menerusi tabung-tabung koperasi bagi membantu sekolah menyediakan kemudahan-kemudahan untuk murid. Ini dapat mengurangkan kebergantungan sekolah kepada kerajaan untuk

pembangunan prasarana sekolah dan aktiviti-aktiviti kurikulum sekolah.

18. ANGKASA melalui Bahagian Sekolah (BSE) telah melaksanakan program pembangunan perniagaan koperasi sekolah. Antara cabang perniagaan yang

digalakkan koperasi ceburi adalah perniagaan kiosk. ANGKASA mensasarkan lebih **20 buah pintu kios koperasi sekolah** dibuka setiap tahun. Kios boleh diusahakan sendiri oleh koperasi atau disewakan kepada pihak lain atau kedua-duanya sekali. Antara jenis-jenis kios

yang mendapat sambutan ialah **kios tetap (bangunan)** di tepi pagar kawasan sekolah, **kios bergerak** dan **kios kontena**.

19. BSE turut memberikan khidmat nasihat dari segi tadbir urus, kewangan dan pembangunan

perniagaan, misalnya membantu koperasi membangunkan buku panduan perniagaan koperasi sekolah seperti perniagaan kantin, perniagaan kafe, perniagaan kios dan sebagainya.

20. ANGKASA akan sentiasa berusaha membantu membangunkan perniagaan koperasi sekolah melalui pelbagai program bagi memastikan koperasi dapat memberikan sumbangan yang berkesan kepada komuniti sekolah dan turut menyumbang

bersama-sama koperasi dewasa kepada KDNK negara Malaysia.

Dengan Lafaz
Bismillahirrahmanirahim,
merasmikan **PROGRAM**
MEMPERKASA PERNIAGAAN DAN
MENJANA EKONOMI KOPERASI

SEKOLAH ANJURAN ANGKASA NEGERI SELANGOR 2022.

Sekian, wabillahi tawfiq wal hidayah
Assalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.